

BAB II

PERKEMBANGAN EKONOMI DAN PERINDUSTRIAN VIETNAM SECARA UMUM

2.1 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan proses reformasi ekonomi dan perindustrian Vietnam dalam satu perspektif sejarah dengan mengkaji pembangunan perindustrian yang dipengaruhi oleh polisi-polisi reformasi utama dari tahun-tahun 1950-an hingga 1990-an. Tumpuan khusus akan diberi pada tempoh masa dari tahun 1986 sehingga 1996. Perbincangan ini bukan setakat mengkaji kesannya ke atas pembangunan perindustrian tetapi juga meninjau bagaimana industri termasuk pengeluran berskala besar dan kecil bertindakbalas terhadap ekonomi terbuka itu.

Dengan mengkaji sejarah Vietnam didapati reformasi ekonomi atau secara spesifiknya, pembangunan perindustrian bukan berlaku dengan tiba-tiba. Pada hakikatnya, ia telah mengalami beberapa proses reformasi yang bermula terutamanya pada akhir tahun 1970 walaupun ia dilakukan dengan tidak bersungguh-sungguh. Reformasi ekonomi pada masa itu merupakan tindak balas serentak dari krisis-krisis ekonomi yang dicetuskan oleh strategi pembangunan yang diambil selepas kemerdekaan pada masa pertengahan tahun 1950-an. Pada akhir tahun 1980-an pula, faktor-faktor luaran dan dalaman telah memaksa pemimpin-pemimpin kerajaan mengadakan reformasi yang lebih radikal dan cergas.¹

Secara umumnya, strategi pembangunan perindustrian yang diambil oleh Vietnam selepas kemerdekaan pada tahun 1950-an, merupakan replika model Soviet Union. Pada dasarnya, strategi ini mementingkan pembangunan kepada industri berat dengan mengabaikan sektor-sektor ekonomi yang lain seperti pertanian dan industri ringan. Strategi ini juga menumpukan perancangan pusat, di mana semua aktiviti ekonomi dirancang, diimplementasi dan dikawal oleh kerajaan melalui syarikat-syarikat milik negara secara spesifiknya. Walau bagaimanapun, sejarah telah membuktikan bahawa strategi ini tidak bersesuaian dalam pembangunan ekonomi di mana-mana negara di dunia. Apatah lagi bagi Vietnam, sebuah negara yang berasaskan pertanian dan taraf hidup yang rendah amat memerlukan modal dan sumber asing. Pada masa pertengahan 60an pula, perperangan telah tercetus dan memusnahkan bangunan-bangunan kilang dan menghentikan pengeluaran secara keseluruhannya. Akibatnya, ekonomi Vietnam terus menjunam dan hanya bertindakbalas secara spontan untuk memenuhi permintaan dan keperluan penduduk tanpa satu rancangan yang sempurna dan berjangka masa panjang.

Kejayaan yang dicapai berikutnya penyatuan Utara-Selatan tidak membawa kejayaan yang sama dalam bidang ekonomi Vietnam. Sebaliknya, percubaan dan usaha untuk mengintegrasikan Selatan ke dalam model ekonomi Utara telah terbukti tidak berjaya dan sangat berkos tinggi.² Tambahan pula, faktor-faktor luaran menjadi lebih kritikal, umpamanya penarikan keluar bantuan dari China dan kebanyakannya negara-negara Barat dan

pendudukan secara militari ke dalam negara Cambodia telah memburukkan keadaan pada tahun 1979-1980 dan ekonomi Vietnam telah merudum dalam satu krisis ekonomi yang serius. Kadar pengangguran meningkat dengan pesat, kekurangan zat makanan berleluasa dan kebajikan penduduk terjejas.

Pada tahun 1979, reformasi ekonomi yang dianggap pertama kali telah diadakan. Walaupun banyak dipersoalkan tentang permulaan reformasi ekonomi di Vietnam, namun begitu secara umumnya bersetuju ia dimulakan pada tahun 1979 dalam Parti Kongres yang keempat. Pengkaji bersetuju bahawa reformasi ekonomi bermula pada tahun 1979 kerana pada masa itulah, kerajaan Vietnam buat pertama kalinya mengakui kesilapan mereka dalam strategi pembangunan ekonomi dan bercita-cita untuk melakukan satu perubahan yang besar dalam struktur ekonominya. Polisi-polisi yang lebih liberal dijalankan terutamanya dalam tahun-tahun 1981-82 dan membawa kepada keputusan yang menggalakan. Malangnya, langkah-langkah sebegitu terpaksa diberhentikan atau diperlambatkan kerana bantahan dari pemimpin-pemimpin konservatif yang masih mencurigai akan ekonomi pasaran. Lantaran itu, ekonomi Vietnam jatuh semula dan krisis menjadi lebih serius.

Pada pertengahan tahun 1980-an, Rancangan Lima Tahun Ketiga (1981-1985) walaupun telah menunjukkan perkembangan tetapi masih gagal juga untuk mencapai sasaran dan objektif ekonominya. Kemajuan yang dihasilkan dari Rancangan Lima Tahun Ketiga ialah dengan menghentikan sosialisasi yang ekstrim dan meliberalisasikan semula ekonominya, dalam

perkatan lain ialah menerima pengenalan semula elemen-elemen ekonomi borjuis.³

Krisis ekonomi yang melanda Vietnam telah menekan percanggahan antara konservatif-konservatif dan pemulih-pemulih. Pada masa itu juga, Soviet Union yang tidak mampu memberi bantuan berterusan kepada Vietnam telah memaksa Vietnam mencari jalan keluar untuk menyelesaikan masalah ekonminya. Pembangunan pesat di negara-negara jiran dan juga China telah memerangsangkan negara Vietnam untuk mempertingkatkan keadaan ekonomi dengan membuka ekonominya kepada ekonomi pasaran. Pada Kongres yang keenam, 1986, pemimpin-pemimpin kerajaan dengan beraninya telah mengadakan penilaian semula secara keseluruhan ke atas kegagalan-kegagalan rancangan-rancangan dan strategi-strategi ekonomi terdahulu dan bertekad untuk membetulkan kesalahan-kesalahan itu. Keputusan telah diambil untuk mengadakan Doi Moi dalam negaranya. Teras polisi ini ialah mengingkatkan taraf hidup penduduk dan menghasilkan makanan yang mencukupi. Bagaimanapun yang lebih penting, ia adalah untuk mengurangkan campurtangan kerajaan dalam pedagangan dan membuka pintu kepada pelaburan asing.

Langkah-langkah yang drastik telah diambil untuk mencapai objektif Doi Moi. Undang-undang berkaitan dengan perdagangan dan pelaburan telah diperkenal, diperbaharui dan disempurnakan. Undang-undang Pelaburan Asing telah diperkenalkan pada tahun 1987, harga-harga telah diliberasikan dan kebanyakan subsidi telah dihentikan. Sistem pembankatan

telah direformasikan sebagai sistem dua baris yang mana memisahkan fungsi-fungsi bank pusat kerajaan dari bank komersial. Pertukaran wang asing yang berbagai kadar telah dihapuskan. Dalam sektor pertanian, reformasi tanah telah berlaku dalam hal tentang kuasa penggunaan tanah, pemilikan tanah dan lebih kuasa autonomi kepada petani-petani, membuka ekonomi kepada pelaburan asing dan lain-lain lagi.

Pada tahun 1991, selepas renovasi dijalankan, jelas menampakkan satu kemajuan. Kadar pertumbuhan ekonomi telah bertambah ke 6% berbanding 3.9% pada tahun-tahun 1986-1990. Kadar inflasi juga telah menurun pada paras 67%. Pada masa itu, polisi-polisi reformasi yang asas dan penting telah diperkenal dan dilaksanakan. Petani-petani lebih berhak dalam hal penggunaan tanah. Sementara itu undang-undang pelaburan asing dan penswastaan telah digubal. Jumlah pelaburan asing mula meningkat walaupun kadar perbelanjaan masih rendah. Pembiayaan kewangan dari IMF, ADB dan WB masih disekat oleh bantahan dari Amerika Syarikat. Hasil kerajaan masih di peringkat rendah, 13.5% dari KNK dan tabungan domestik ialah 15% pada tahun 1992, angka-angka ini masih dianggap rendah dari taraf serantau.⁴ Pelaburan domestik kasar ialah 14% dari KNK pada tahun 1992, angka ini amat rendah jika dibandingkan dengan ekonomi Asia Timur yang lain.⁵

Selain daripada itu, peranan pihak swasta mula mendapat perhatian, kerajaan Vietnam telah membenarkan lebih syarikat-syarikat, termasuk pekilang-pekilang dan syarikat-syarikat swasta melibatkan diri dalam perdagangan luar. Kebanyakan barang dan komoditi sekarang dapat

dieksport dan diimport secara bebas. Pada masa yang sama, kerajaan Vietnam juga mengambil langkah-langkah untuk mempromosikan eksport. Pasaran eksport dan import juga telah diperkembangkan, tidak lagi terhad kepada rakan-rakan perdagangan tradisional, iaitu Soviet Union dan Eropah Timur. Pertumbuhan dalam sektor eksport melebihi 18% pada tahun 1991 dan kebanyakan eksport menuju ke pasaran dunia untuk mendapatkan matawang asing.⁶ Penguasaan ke atas pertukaran matawang asing juga telah dikendurkan walaupun Dong masih tidak boleh ditukar secara sepenuhnya. Pada tahun 1991, konsep *Export Processing Zone* (EPZ) telah diperkenalkan untuk mempercepatkan proses perindustrian dan reformasi ekonomi.

Selepas sepuluh tahun renovasi itu dijalankan, negara Vietnam memperlihatkan satu perikliman ekonomi yang berlainan. Kadar pertumbuhan telah mengalami satu peningkatan yang secara puratanya 8.2% pada tahun 1992-1996. Kadar inflasi juga telah menurun di bawah 5% pada Julai 1996. Pendapatan dalam matawang asing dalam perdagangan eksport telah bertambah dengan banyaknya, dari US\$0.74 bilion dalam tahun 1986 ke US\$2.1 bilion pada tahun 1991 dan seterusnya US\$5.2 bilion pada tahun 1995. Hasil kerajaan dalam nisbah KNK telah berlipat ganda ke 25%, pelaburan domestik kasar juga berganda ke 30% dan tabungan domestik juga meningkat.⁷ Defisit perdagangan mula membimbangkan, tetapi pihak kerajaan telah menaksirkan ia sebagai kemasukan barang modal yang banyak dari pelaburan-pelaburan asing. Hak-hak harta benda swasta telah lebih jelas di bawah pindaan Perlembagaan pada tahun 1992, Kod Awam (*Civil Code*) dan

undang-undang lain yang berkaitan telah diadakan. Kemasukan pelaburan asing telah memperlihatkan satu peningkatan yang pesat, kira-kira US\$6.6 bilion pada tahun 1996 oleh MPI (*Ministry of Planning & Investment*) walaupun World Bank dan IMF hanya menganggar US\$1.4 bilion.

Walaupun perikliman ekonomi dan institusi telah diperbaiki secara menonjol pada tahun-tahun kebelakangan itu, namun begitu masih terdapat cabaran-cabaran dalam melakukan perdagangan dan pelaburan di Vietnam. Secara khususnya, reformasi yang lebih pesat dalam pentadbiran awam masih kekurangan. Peraturan-peraturan masih kompleks dalam implementasi dan sering berubah-ubah menyukarkan dan mengelirukan pelabur-pelabur domestik dan asing. Masalah rasuah dan penyeludupan masih berleluasa walaupun langkah-langkah telah diambil untuk membanteras kegiatan-kegiatan itu.

Institusi-institusi yang berkaitan untuk menyokong satu ekonomi pasaran termasuk pasaran modal, perakaunan dan profesion yang lain masih tidak mencukupi. Sistem informasi dan rangka undang-undang serta mekanisma penguatkuasaan dalam aktiviti komersial masih tidak sempurna dan amat mencabar kepintaran dan kesabaran pelabur-pelabur asing khususnya.. Latihan-latihan pendidikan masih dianggap kurang untuk memenuhi permintaan yang sedang meningkat ke atas tenaga kerja berkemahiran tinggi.

Cabaran-cabaran dan masalah-masalah yang dihadapi oleh pelabur-pelabur asing telah mengakibatkan kadar yang menurun dalam jumlah

kemasukan palaburan asing ke negara Vietnam selepas renovasi itu mula. Bukan setakat itu sahaja, terdapat ramai pelabur-pelabur asing yang telah masuk pada peringkat awal telah menarik diri dengan pembatalan lesen-lesen atau mengecilkan operasinya.

Memang tidak dinafikan krisis ekonomi yang melanda negara-negara Asia Timur dan Asia Tenggara mempunyai kesan ke dalam fenomena itu. Ramai pelabur-pelabur asing dari rantau itu telah menghentikan operasi atau mengurangkan aktiviti mereka, begitu juga keadaannya dengan syarikat-syarikat MNC yang besar dan pelabur-pelabur dari Amerika Syarikat. Kadar penurunan itu bukan berlaku spontan selepas krisi ekonomi berlaku, ia sebenarnya mula berlaku pada tahun 1996. Boleh dikatakan keadaan ekonomi di Vietnam mengalami satu lagi *milestone*. Adakah ekonomi pasaran itu boleh diteruskan masih dipersoalkan, dan bagaimana ia harus dicapai dalam krisis ekonomi serantau itu menjadi cabaran yang besar bagi pemimpin-pemimpin Vietnam sekarang.

2.2 Proses Perindustrian Di Vietnam

Proses perindustrian di Vietnam amat dipengaruhi oleh cara berfikir dan kekerapan perubahan pendirian pemimpin-pemimpin Vietnam terhadap perkembangan politik semasa. Proses pembangunan perindustrian di Vietnam tidak lancar, sebaliknya sering diganggu oleh peperangan dan pergelutuan politik. Pengkaji akan mengulaskan proses perindustrian di Vietnam dengan membahagikan kepada beberapa tempoh, iaitu pembangunan

ekonomi pada masa peperangan (1955-1975), penyatuan utara dan selatan (1976-1980) dan rancangan lima tahun yang ketiga (1981-1985).

2.2.1 Pembangunan Ekonomi Pada Masa Peperangan (1955 - 1975)

Sebelum tahun 1954, Kebanyakan industri yang terdapat di Vietnam adalah industri seni secara kecil-kecilan. Terdapat sedikit industri yang secara relatifnya penting iaitu: pusat tenaga yang berskala kecil, testil, bengkel kejuruteraan, loji arang batu, perlombongan timah, dan lain-lain lagi. Kebanyakannya terdapat di Vietnam Utara. Jumlah tenaga buruh yang terlibat dalam industri secara umumnya lebih kurang 50,000.⁸

Pada tahun 1954, hasil dari Perjanjian Geneva telah membahagikan Vietnam kepada dua bahagian iaitu Vietnam Utara dan Vietnam Selatan. Pembahagian ini telah menghasilkan dua sistem politik dan sosial yang berbeza dan membawa kepada polisi ekonomi dan industri yang amat berlainan sekali. Sistem ekonomi perancangan pusat telah diperkenalkan secara serta-merta di Vietnam Utara selepas pendamaian pada tahun 1954. Selepas tahun tersebut Vietnam Utara berkembang pesat sekali ke arah pembentukan satu masyarakat sosialis. Tumpuan sepenuh diberi untuk mengwujudkan “Socialist Industrialization”. Oleh itu, pembangunan industri berat diutamakan dan mengabaikan pertanian dan industri ringan. Ini bermakna usaha polisi industri yang mula-mula adalah berdasarkan kepada model Soviet yang merupakan perancangan pusat dan kerajaan yang berperanan mengimplikasikan perindustrian. Objektif bagi menumpukan

pembangunan barang modal dan aktiviti industri berat ialah untuk mencapai tahap sara diri (*self-sufficiency*) dalam sektor-sektor tersebut. Secara tidak langsung, ini telah mengabaikan peluang-peluang perdagangan dan pengkhususan yang lain. Sektor perkilangan dan pengeluaran Vietnam dikawal oleh syarikat milik negara, dimiliki dan dioperasi oleh kerajaan pusat atau kerajaan provinsi, kerajaan daerah atau berusaha bersama-sama dengan syarikat koperasi.

Pada tahun 1964, Kerajaan Vietnam Utara telah menjalankan beberapa langkah untuk membanteras penggelapan, pembaziran dan birokrai dan telah berusaha merangka satu rancangan untuk membaiki pengurusan, tetapi implementasi rancangan-rancangan ini telah dihapuskan oleh peperangan. Pada tahun 1965, beberapa industri pusat telah ditubuhkan dengan bantuan kewangan dari luar negara (dari negara-negara sosialis lain). Semasa peperangan 1965-1972, sebahagian besar pusat-pusat ini telah termusnah dengan teruknya. Oleh yang demikian dapat disimpulkan bahawa operasi industri dijalankan berdasarkan "*on the spot logistical basis*" untuk memenuhi permintaan peperangan dan keperluan masyarakat.

Sebelum penyatuan, ekonomi di Vietnam Selatan adalah berorientasikan pasaran. Industri di Vietnam Selatan mula berkembang dengan lebih menonjol selepas tahun 1960; pertumbuhan syarikat lebih pesat di sektor pengeluaran dan ringan. Kebanyakan syarikat adalah untuk memenuhi permintaan dari bandar dan sekitar kawasan berpendudukan. Ia amat bergantung kepada bahan-bahan dan teknologi import.

Selepas penyatuan negara, di mana mekanisma pengurusan di Vietnam Utara diterimapakai di seluruh negara, tumpuan khas telah diberikan kepada Selatan yang baru. Pada peringkat awal 1960, kekurangan dan keburukan hasil dari pelaksanaan polisi industri terdahulu telah muncul.

Untuk mencapai “*socialist transformation*” parti pemerintah menjalankan “*socialist industrialization*” dengan memulakan Rancangan Lima Tahun Pertama (1960-65). Rancangan Lima Tahun Pertama ini menumpukan kepada industri berat. Pada Kongres Parti yang Ketiga (September 1960), Setiausaha Agong Le Duan telah memberi hujah yang memberi fokus kepada:-

*“Socialist industrialization of the North consist(ed) in... giving priority to the rational development of heavy industrial , and at the same time striving to develop agriculture and light industry.”*⁹

Keterangananya ialah seperti berikut:

*“... in order to build a heavy industry, there must be prerequisites to be created by agriculture and light industry. These are the labour force, consumer goods, primitive accumulation and the market.... However, we must be fully conscious that heavy industry can only vigorously advance when agriculture and light industry have become its firm bases... If we promote heavy industry without aiming at pushing forward agriculture and light industry, we shall, in practice, not only fail to develop heavy industry but also worsen the existing economic imbalance, create more difficulties, and check the advance of our national economy as a whole.”*¹⁰

Retorik ialah fokus harus ditumpukan kepada industri berat, tetapi tumpuan yang khas juga harus diberikan kepada pertumbuhan pertanian

dan industri ringan. Walau bagaimanapun, dalam realiti dan praktis, perkembangan industri berat adalah lebih dari industri ringan dan pertanian.

Daripada Jadual 2.1 di atas, jelas menunjukkan bahawa industri berat diberi keutamaan, merangkumi lebih dari 75% dari jumlah peruntukan industri yang dilabur oleh kerajaan, manakala industri ringan hanya meliputi lebih kurang 20%. Daripada industri berat, keutamaan diberikan kepada sektor kejuruteraan mekanik (yang melengkapkan industri ringan dan pertanian), tenaga, bahan-bahan bina, *metallurgy* dan kimia.¹¹

Pemberian keutamaan kepada industri berat telah memunafaatkan keupayaan kewangan dan bahan-bahan dari ekonomi nasional dan bantuan kewangan dari luar negara. Ini telah menyekat pertumbuhan industri ringan dan pertanian dengan seriusnya. Lantaran itu pertumbuhan negara juga tersekat. Akibatnya, pada peringkat makro-ekonomi, praktis ini telah membawa ketidakseimbangan dalam ekonomi yang sangat serius keadaannya. Selain itu, pembangunan industri berat di satu negara yang mempunyai infrastruktur yang lemah dan kekurangan tenaga buruh yang mahir akan mengwujudkan masalah-masalah yang lain.

Keputusan Parti untuk menumpukan kepada perkembangan industri berat dan mengabaikan industri ringan dan pertanian telah dipengaruhi oleh dogma di mana perindustrian kapitalis bermula dengan pertumbuhan industri ringan, jadi *Socialist Industrialization* harus bermula dengan industri berat.¹²

Jadual 2.1: Peruntukan Pelaburan Kerajaan Dalam Industri Dan Pertanian:1960-75 (Unit: VND Juta)

	1960	1965	1974	1975
Jumlah pelaburan kerajaan	669.7	959.1	1,822.7	2,049.8
Industri (terkecuali industri pembinaan) di mana:				
Kumpulan A (i.e., industri berat)	256.7	363.9	641.6	761.7
Kumpulan B (i.e., industri ringan)	193.7	318.5	490.4	574.9
Pertanian (terkecuali perhutanan)	63.0	45.4	151.2	186.8
	69.0	158.8	281.8	271.0

Sumber: Vo Nhan Tri, *Vietnam's Economic Policy Since 1975*, Institute of Southeast Asian Studies, Singapura, 1990, 32.

Walau bagaimanapun, pada tahun 1986, Setiausaha Umum Truong Chinh mengaku dalam satu ucapan yang sangat penting di Hanoi, “*[the Party Leadership's] fondness for developing heavy industry in a large scale that exceeded [the country's] real capabilities*” adalah satu “*errors of leftist infantilism*”.¹³

Sementara Vietnam Utara giat dalam *Socialist Industrialization*, ekonomi di Selatan tumbuh dengan pesatnya dengan pergantungan kepada bantuan dari Amerika Syarikat semasa tahun-tahun peperangan, dan berjaya membentuk ekonominya mengikut pasaran bebas. Walau bagaimanapun, kehadiran Amerika Syarikat dari segi militari dan ekonomi telah membayangi keseluruhan ekonomi Selatan secara mutlak. Amerika Syarikat telah membiayai pembangunan dalam infrastruktur, dan secara langsung dan tidak langsung telah mencipta beribu-ribu peluang pekerjaan dan memperluaskan perdagangan luar dengan pasaran dunia. Kapitalis telah berakar di Selatan di bawah pengaruh Amerika Syarikat, tetapi telah ditindas serta-merta apabila Komunis mengawal keseluruhan negara pada 1975.¹⁴

2.2.2 Penyatuan Utara Dan Selatan, “*Socialist Transformation*” (1976-1980)

Selepas Penyatuan Nasional, Vietnam telah merangka satu rancangan untuk membangun dan mengurus ekonomi dengan bercita-cita tinggi. Objektif utama ialah membasmikan kemiskinan dan kemunduran. Ia

juga menyistiharkan ekonomi Vietnam telah memasuki satu era “*transition to socialism*”. Pihak berkuasa Vietnam menyedari akan kepentingan pertumbuhan perindustrian negara. Sejajar dengan orientasi sosialisma, negara Vietnam Utara telah mencontohi model Soviet yang berperancangan pusat. Dalam rangka ini, sasaran pengeluaran tahunan ditetapkan oleh pihak berkuasa pusat bagi pelbagai sektor industri. Tanggungjawab lebih didominasi oleh syarikat milik negara untuk mencapai sasaran-sasaran tertentu. Dalam menetapkan sasarannya, perancang-perancang lebih memberi keutamaan kepada pembangunan industri berat, yang telah mengakibatkan penyerapan strategi perindustrian gantian import.¹⁵ Kerajaan juga meluluskan satu undang-undang pada tahun 1977 dengan harapan akan menggalakkan pelaburan barat tetapi keputusannya tidak baik kerana berlakunya peperangan-peperangan dengan Cambodia dan China pada tahun 1978. Tambahan pula, pemimpin selepas peperangan dengan Amerika Syarikat, mengharapkan pembangunan ekonomi mendapat pertolongan besar dari pelaburan-pelaburan asing yang berkomersial dari Amerika Syarikat dan blok Soviet¹⁶

Dalam laporan politik yang keempat, Le Duan menyistiharkan keutamaan akan diberikan kepada industri berat atas dasar pembangunan pertanian dan industri ringan. Dalam satu majlis yang lain, beliau menegaskan bahawa industri ringan akan menerima tumpuan lebih daripada industri berat. Bagaimanapun realitinya, seperti mana yang ditunjukan dari Jadual 2.2, peratusan pertumbuhan industri berat masih melebihi industri ringan dengan peratusan yang besar.

Jadual 2.2: Peratusan pelaburan Kerajaan Di Dalam Sektor Industri

	1976	1980
Jumlah peratusan pelaburan kerajaan dalam sektor industri	31.9	41.2
Industri Berat	21.4	29.7
Industri Ringan	10.5	11.5

Sumber: David G. Marr (ed), **Postwar Vietnam: Dilemmas in Socialist Development**, Southeast Asia Program, Cornell University, New York, 1988,81.

Percanggahan dalam apa yang diujah dengan apa yang dilakukan mengelirukan masyarakat tempatan, ditambah pula dengan ucapan Perdana Menteri Pham Van Dong dalam laporannya semasa dibentangkan dalam Rancangan Lima Tahun Kedua,

' Some cadres might be concerned that because we are concentrating our forces in 1976-80 on developing agricultural... we are therefore giving light attention to heavy industry. Such is not the case at all, because assembling forces for the development of agriculture primarily means assembling the forces of heavy industrial sectors to equip agriculture.'¹⁷

Keadaan tersebut telah menunjukkan kerajaan Vietnam pada masa itu tidak mempunyai satu objektif yang jelas dan kordinasi yang baik dalam pelaksanaan rancangannya. Keadaan itu juga menggambarkan kerajaan tidak mempunyai pengalaman dalam pembangunan perindustrian.

2.2.2.1 Rancangan Lima Tahun Kedua (1976-1980)

Parti Kongres Nasional yang keempat telah diadakan pada Disember 1976. Satu laporan telah dikemukakan untuk menetapkan satu rancangan ekonomi dalam jangka masa transisi ke sosialis. Vietnam akan bergerak dari pengeluaran berskala kecil ke pengeluaran sosialis yang berskala besar-besaran dalam masa dua puluh tahun. Dalam Parti Kongres Nasional, Rancangan Lima Tahun Kedua juga telah diumumkan. Kandungan panduan untuk membina ekonomi sosialis adalah seperti berikut

"To set up socialist industrialization... and take the economy of (the) country from small-scale production to large-scale socialist production. To give priority to the rational

development of heavy industry on the basis of developing agriculture and light industry, (and) build industry and agriculture in the whole country into an industrial-agriculture in the whole country into an industrial-agriculture economic structure; build the central(ly-run)..combine (economic construction) with national defence; strengthen... the cooperation and mutual assistance with fraternal socialist countries..., at the same time develop our economic relations with other countries....”¹⁸

Terdapat beberapa tugas asas untuk mencapai matlamat Rancangan Lima Tahun yang Kedua antara yang terpenting ialah:

- (a) menfokuskan keseluruhan sumber-sumber negara untuk mencapai satu kemajuan yang menonjol dalam pertanian dan juga membangun industri ringan dengan tabahnya.
- (b) menumpukan kepada kapasiti industri berat yang sedia ada dan membina lebih banyak industri berat yang baru, terutama dalam industri pemesinan, untuk menyokong pertanian dan industri ringan
- (c) Menyempurnakan dan menyelesaikan “*socialist transformation*” secara mutlak di Selatan.¹⁹

Sehubungan itu, sasaran yang ditetapkan menunjukkan cita-cita yang terlalu besar, iaitu meningkatkan pengeluaran makanan kepada 21 juta metrik ton pada tahun 1980, meningkat output industri dengan 16-18% setahun, produktiviti buruh dengan 7.5-8.0% setahun dan pendapatan nasional dengan kenaikan 13-14% setahun. Sasaran yang spesifik juga ditetapkan bagi beberapa output industri yang penting. Ini ditunjukkan dalam Jadual 2.3. Bagaimanapun, seperti yang digambarkan dalam Jadual 2.3, kesemua output

tidak dapat mencapai sasarannya. Selain itu, kadar pertumbuhan output industri tahunan secara puratanya ialah 0.6% yang amat jauh dari kadar sasarannya 16-18%.²⁰

Akhirnya, Rancangan Lima Tahun yang Kedua itu tidak berjaya. Pendapatan nasional kurang daripada perbelanjaan negaranya, di mana pendapatan nasional yang didapati hanya 0.2% berbanding dengan sasaran sebanyak 13-14%. Terdapat kekurangan dalam ekonomi di mana penawaran kurang dari permintaan. Makanan, pakaian dan barang pengguna yang penting kesemuanya berlaku ketidakcukupan penawaran. Penawaran untuk tenaga, bahan-bahan teknikal, komunikasi dan pengangkutan juga tidak padan dengan keperluan pembangunan. Ketidakseimbangan antara pendapatan kewangan dan perbelanjaan, penawaran barang/komoditi dan permintaan, dan import dan eksport amat lebar.

Kegagalan Rancangan Lima Tahun Kedua ini boleh dianalisa seperti berikut:-

1. Promosi pembangunan pengeluaran dan pelaburan tanpa kajian ke atas perlaksanaannya dan keberkesanannya. Kerajaan Vietnam mengidamkan kejayaan dan terlalu berkeyakinan dalam rancangannya tanpa melihat kepada petunjuk-petunjuk ekonomi yang sebenar. Kuota bagi peningkatan modal dan pengeluaran ditetapkan terlalu tinggi, tanpa menyedari ekonominya masih di peringkat pemulihan. Terdapat kecenderungan mengheboh-hebohkan industri berat dan projek yang besar tanpa menyelesaikan masalah asas di dalam sektor pengeluaran

Jadual 2.3: Sasaran Industri Dan Pencapaiannya Dalam Rancangan Lima Tahun Yang Kedua dan Ketiga, 1976-1985

Perkara	1976	1980			1985		
		Rancangan (R1)	Realiti (R2)	R1/R2 (%)	Rancangan (R1)	Realiti (R2)	R1/R2 (%)
Arang batu (juta. Ton)	5.70	10.0	5.3	53	29	5.4	60
Elektrik (bil.Kwh)	3.06	5.0	3.7	74	6	5.2	86
Simen (juta. Ton)	0.74	2.0	0.6	30	2	1.4	70
Besi (juta. .ton)	0.06	0.3	0.06	30	0.2	0.05	25
Fabrik (juta.meter)	218	450	175.3	39	400	367.1	92
Baja (juta. Ton)	0.44	1.3	0.31	23	0.4	0.52	130
Kertas (ribu. ton)	75.0	130	46.8	36	100	69.5	70

Sumber: Nguyen Anh Tuan, **Prospects for Vietnam's Industrialization: Lessons from East Asia**, INSAN, Petaling Jaya, 1996, 21.

makanan, barang konsumen dan eksport. Akibatnya, pelaburan besar itu tidak membawa pulangan yang memberangsangkan.

2. Kawalan yang berlebihan dari perancangan pusat dan kelemahan dalam mekanisma pasaran. Identiti sosialisma yang wujud tidak bertunjang kepada realitinya.
3. Terhentinya bantuan dari barat, embargo ekonomi dari negara Amerika Syarikat dan kehausan penawaran barang mentah dan alat ganti di Vietnam Selatan pada masa permulaan pembinaan, peperangan di Cambodia, peningkatan tekanan antara peperangan China, penghijrahan keluar tenaga buruh yang mahir dari Vietnam, pelarian besar-besaran peniaga-peniaga Cina dari Vietnam (1976-1980) dan terhentinya perdagangan dan bantuan dari China (lebih kurang 38% dari kesemua bantuan luar di Vietnam pada tahun 1977) mengganggu pelaksanaan Rancangan Lima Tahun Kedua.

Keburukan yang diakibatkan dari rancangan lima tahun ini boleh diperlihatkan dalam *Resolution* pada tahun 1979.

"shortage [of basic consumer goods] was serious... on [their] quality was not up to standard. Certain means of production (ordinary and improved tools, bricks and tiles, etc.) which could have been produced [by local industry] were scarce... The role of the consumer goods and local industries, especially that of small [-scale] industry and handicrafts was not [viewed correctly]... The State and collective sectors of the economy were not sufficiently strengthened while the private sector...was not brought into full play (emphasis added)."²¹

Daripada ulasan yang tajam itu, kerajaan Vietnam mencadangkan satu orientasi ekonomi baru, yang berasaskan kegagalan dalam menglokasi sumber-sumber dalam polisi-polis industri terdahulu. Ia melibatkan pergerakan dari industri berat ke industri ringan dan dari satu ekonomi yang didominasi oleh strategi gantian import ke strategi peningkatan eksport. Pergerakan tersebut diiringi oleh kelonggaran peraturan-peraturan di dalam sektor industri, di mana syarikat milik negara mempunyai autonomi yang lebih besar, terutama dalam perkara pengimportan input dan pembangunan pasaran eksport, dan peranan syarikat-syarikat swasta dalam sektor industri mula dipertingkatkan.

Le Duan, Setiusaha Umum apabila menganalisa keadaan ekonomi secara menyeluruh pada akhir Rancangan Lima Tahun Kedua telah mengaku dengan jujur:-

*"On the economic front our country is... confronted with many acute problems... The implementation of the economic plans in the years 1976-80 have not reduced the serious imbalances in our national economy [In fact, it increased them] Production rises slowly while the population increases quickly The Produced National Income is not in a position to meet the needs of social consumption; part of social consumption must be taken from [foreign] loans and [grants]... There are shortages of food, fabrics and other essential consumer goods Great shortages exist in the supply of [fuels] and materials, and in communications and transport Many [state-run] enterprises operate below capacity There are still great disparities between budget revenues and expenditures, commodities and money [circulation], and export and imports... Prices are unstable [read, soaring upwards] There are still large numbers of people who are unemployed The livelihood of the working people, especially workers, [civil servants], and peasants... is fraught with difficulties."*²²

Seorang wartawan Perancis di Hanoi telah memberi komen bahawa orang Vietnam pada tahun 1980 adalah lebih miskin dari orang Vietnam pada tahun 1976. Keadaan kemiskinan amat buruk. Penduduk mengalami tekanan yang berlebihan. Kebanyakan penggaji terpaksa bekerja kuat seolah-olah mencuri kehidupan. Kekurangan dalam pasaran membawa kemunculan perdagangan haram dan rasuah berleluasa.²³

2.2.3 Rancangan Lima Tahun Yang Ketiga (1981-1985)

Kerajaan Vietnam amat menyedari bahawa kesalahan yang berlaku pada tahun-tahun terdahulu mesti diperbetulkan. Le Duan telah merangka Rancangan Lima Tahun Ketiga pada tahun 1981. Isi kandungan dalam Rancangan Lima Tahun Ketiga antara lain ialah:

1. Untuk memenuhi permintaan yang penting dan cemas dalam kehidupan seharian di samping mempertingkat mutu hidup masyarakat tempatan. Mengatasi masalah kekurangan makanan dan mempertingkatkan penawaran pakaian, kesihatan, perumahan, pengangkutan, pendidikan anak muda dan keperluan-keperluan lain yang penting.
2. Meneruskan pembangunan teknologi dan bahan-bahan berasaskan sosialis; menfokuskan kepada peningkatan pertanian, barang konsumen dan eksport sambil mempertingkatkan teknik dan kemahiran sektor-sektor ekonomi lain, dan menyediakan tapak yang teguh bagi pembangunan industri berat pada peringkat seterusnya.
3. Melengkapkan transformasi sosialis di provinsi-provinsi Selatan.

4. Memenuhi keperluan dari pertahanan negara, dan mengekal dan menjamin keselamatan negara sepenuh masa.²⁴

Jadual 2.4 di atas menunjukkan semasa Racangan Lima Tahun Ketiga dijalankan, bahagian industri berat dalam pelaburan kasar bertambah dengan cepatnya dalam dua tahun yang pertama, dan selepas itu, turun dengan peratusan yang besar pada tiga tahun yang berikutnya, di mana industri ringan meningkat pada empat tahun yang pertama, tetapi turun pada tahun terakhir. Dalam tahun 1985, industri berat meliputi 22.2% daripada pelaburan kasar, berbanding 35% pada 1981 dan industri ringan meliputi 7.3% dan 6.7% masing-masing.

Berhadapan dengan kegagalan dari rancangan terdahulu, pemimpin-pemimpin Vietnam juga telah menjalankan satu analisa yang terperinci ke atas polisi industrinya dalam tahun-tahun 1981-82. Pada tahun 1981, kerajaan telah memperkenalkan sistem “*triple plan*” bagi syarikat-syarikat milik negara yang bertujuan meningkatkan kapasiti utiliti.²⁵

Di bawah skim *triple plan* itu, syarikat milik negara dikuasai oleh tiga rancangan yang saling berhubungan. Kesemua rancangan ekonomi kerajaan dikenali sebagai Rancangan A dan Rancangan B. Rancangan C pula dikenali sebagai rancangan kedua yang bertujuan memastikan utiliti kapasiti yang maksimum. Rancangan B pada umumnya melibatkan pencurahan usaha-usaha lebihan manakala Rancangan C melibatkan pergerakan pekerja-pekerja enterprise kerajaan untuk mengutiliti fasiliti yang sedia ada untuk mengeluarkan lebih banyak output. Output yang dikeluarkan di bawah Rancangan A harus

Jadual 2.4: Pelaburan Kerajaan Pada 1981-1985 (Unit: Peratusan)

	1981	1982	1983	1984	1985
Pelaburan Kasar	100	100	100	100	100
Industri	41.7	53.2	40.4	33.8	31.2
Industri Berat	35.0	45.3	32.3	25.1	22.2
Industri Ringan	6.7	7.9	8.0	8.7	7.3

Sumber: Vo Nhan Tri, **Vietnam's Economic Policy since 1975**, Institute of Southeast Asian Studies, Singapura, 1990, hlm.144.

dijual kepada agensi-agensi pembelian kerajaan. Output yang dikeluarkan di bawah Rancangan B dan C boleh dijual di pasaran bebas. Mekanisma *triple plan* ini kemudiannya telah diikuti dengan *New Economic Orientation* pada tahun 1982 oleh pemimpin Vietnam pada Kongres Parti yang Kelima.

Pada tahun 1982-83, situasi ekonomi mula meningkat dan pertumbuhan pendapatan nasional dan output pula naik semula. Bagaimanapun semasa ekonomi mula menunjukkan kemajuan, terdapat unsur-unsur yang lebih ortodoks telah memperkembangkan pengaruhnya dan bertentangan sebahagiannya dengan proses reformasi yang sedang dijalankan. Di bawah tekanan itu, kerajaan telah memulihkan kuasa perancangan pusat dan menetapkan semula sekatan-sektan ke atas aktiviti-aktiviti swasta. Walau bagaimanapun, pada akhir 1985, ia jelas menunjukkan pertumbuhan output yang dicapai adalah hasil dari reformasi antara tahun-tahun 1981-1982 dan pelaksanaan cara-cara ortodoks pada tahun-tahun selanjutnya hanya menyumbangkan pertumbuhan yang lembap.²⁶

Pencapaian yang menonjol pada masa 1981-1982 disebabkan tindakan kerajaan yang memberi insentif kepada pengeluar-pengeluar dari segi bahan-bahan mentah, mengakui dan menghormati inisiatif individu dan swasta, memperlakukan transformasi sosialis di kawasan Selatan dan mengubah pengurusannya yang bercorak perancangan pusat kepada memberi lebih autonomi kepada autoriti tempatan dan unit pengeluaran perseorangan.²⁷

Strategi pembangunan ekonomi di Vietnam pada tahun-tahun 1981-85 telah memberi prioriti dalam penyelesaian masalah secara spontan

seperti dalam pengeluaran makanan. Ia merupakan satu kesilapan kerana tidak memasukkan pertanian sebagai perjuangan terpenting.

Sepuluh tahun selepas Vietnam bersatu, polisi-polisi industri dan keberkesanannya dapat dirumuskan sebagai satu kegagalan dan mengandungi banyak kelemahan. Satu laporan telah mengatakan bahawa syarikat milik negara hanya mengutilitikan 40-50% daripada kapasiti yang tersedia pada masa itu. Keadaan ini disebabkan dari sebahagian besar kekurangan dalam tenaga dan bahan-bahan mentah dan ketidakcukupan pengangkutan dan infrastruktur komunikasi di Vietnam serta kualiti output adalah rendah. Beberapa sebab yang mempengaruhi kegagalan dalam sektor industri antaranya:

1. Pelaburan yang dilakukan tanpa satu kordinasi yang baik, dan kebanyakan projek itu telah mengalami kelewatan pembinaan atau ditinggalkan dan dibiarkan sebegitu sahaja.
2. Perancang-perancang gagal meramalkan akan berlakunya ketidakcukupan sumber modal dan bahan-bahan semulajadi (terutama input-input yang perlu diimport) dan pembekalan tenaga
3. Syarikat-syarikat kerajaan yang mengambil bahagian dalam pengkhususan dan perdagangan sangat terhad, dan selain itu kebanyakan mereka hanya terlibat dalam integrasi menegak dan kurang dalam integrasi mendatar.
4. Applikasi sains dan teknologi dalam industri adalah lemah dan jarang. Kemajuan teknologi hanya sedikit yang tercapai.

5. Pemusatan birokratik yang berlebihan telah menyekat inisiatif dan penciptaan di dalam industri tenaga kerja dan output syarikat milik negara tidak kompetitif dalam pasaran dunia dari segi harga dan kualiti.²⁸

Ekonomi Utara berfungsi lebih baik kerana perancangan pusat memberi keutamaan dari segi pembiayaan kewangan, aktiviti pertanian di bawah kawalan koperasi, dan kawalan harga yang ketat. Maka sistem Utara boleh diterjemahkan sebagai ekonomi perang.²⁹ Aktiviti ekonomi berterusan memberi kesan yang baik, membangun dengan stabil tetapi tidak menakjubkan selepas Penyatuan. Tahun-tahun 1975 hingga permulaan 1980 telah memperlihatkan satu percubaan untuk menjalankan satu transisi bagi ekonomi Selatan dari ekonomi Utara. Berikutan tindakan tersebut telah mengwujudkan penentangan orang Selatan dan mengakibatkan kegagalan dalam pengeluaran dan defisit.

Sekiranya dikaji dari aspek yang lain, peralihan Vietnam dari satu ekonomi perancangan pusat kepada satu ekonomi yang berorientasikan pasaran adalah berlainan dengan pengalaman negara-negara yang lain yang juga menjalani reformasi ekonomi. Ia boleh diperlihat dari segi di bawah:-

1. Reformasi ekonomi mengambil tempat bila perang baru berhenti dan negara sedang dalam pembangunan semula dari pemusnahan. Latar belakang ini mendorong reformasi ekonomi dijalankan secepat mungkin. Ia mendapat sokongan kombinasi dari penduduk dan kerajaan pusat. Hubungan yang agak harmoni ini melicinkan proses perubahan bila kerajaan Vietnam ingin mengubah model Soviet Union tanpa menghasilkan kemerosotan yang

mendalam seperti yang berlaku di negara-negara perancangan pusat yang lain bila reformasi ekonomi diamalkan.

2. Keperluan untuk mengadakan reformasi ekonomi dibangkitkan secara kesedaran sendiri, bukan akibat dari pergolakan politik. Perubahan dari masa peperangan ke masa perdamaian telah membawa kenaikan dalam permintaan dalam kehidupan seharian. Untuk meningkatkan output, halangan-halangan dalam institusi ekonomi harus dihapuskan agar ia boleh berfungsi dengan lebih lancar. Realiti telah mencairkan teori-teori dogmatik dan mendirikan satu sistem yang lebih berkesan.

2. Reformasi ini berlaku dalam konteks pengasingan dari segi ekonomi dan politik. Sokongan dan bantuan luar dalam proses reformasi adalah tidak penting. Bantuan kewangan dan kredit dari negara Soviet Union dan negara-negara Eropah timur telah diputuskan bila negara-negara tersebut memulakan perestroika. Institusi-institusi kewangan antarabangsa seperti World Bank, ADB, IMF tidak memberi bantuan selain memberi nasihat. Sekatan ekonomi dan embargo ke atas Vietnam dan penglibatan negara ini dalam pelbagai konflik politik dan militari telah memaksa negara menggunakan lebih banyak sumber-sumber yang ada untuk membangun ekonominya. Ketidakhadiran persekitaran antarabangsa yang boleh dipercayai, terjamin dan mesra merupakan kelemahan dalam renovasi tersebut.

2.3 Renovasi Ekonomi (Doi-Moi)

Sejak 1986 Vietnam telah melaksanakan satu reformasi yang drastik di dalam bidang politik, ekonomi dan sosial di bawah panji Doi Moi (renovasi). Bagaimanapun, keutamaan Doi Moi ini lebih merujuk kepada renovasi dari segi ekonomi.

Walaupun kehendak untuk mengatasi kegagalan-kegagalan ekonomi telah berkali-kali ditunjukkan, tetapi reformasi telah berkali-kali diperlambatkan disebabkan tidak terdapat persetujuan sebulat suara dalam cara-cara yang perlu diambil. Doi Moi yang bermula pada tahun 1986 mempunyai dua objektif yang utama dalam bidang ekonomi iaitu, mempromosi polisi liberalisasi ekonomi di dalam negara dan polisi buka pintu di dalam arena antarabangsa.

Antara objektif yang spesifik di bawah Doi Moi ini ialah:

1. Pengagihan kuasa atau desentralisasi digalakkan. Asas perdagangan dioperasikan dalam syarikat milik negara. Kerajaan membasmikan rejim subsidi yang telah bertunjang lama dalam operasi syarikat milik negara. Syarikat milik negara yang mengalami kerugian boleh diisyiharkan muflis. Masalah birokrasi dikenalpasti dan dihapuskan secara berperingkat-peringkat. Keutamaan pelaburan dipindahkan dari industri berat ke industri-industri yang berhubungan terus dengan kehidupan seharian, atau ke sektor-sektor yang mana Vietnam menikmati peluang-peluang yang lebih baik.

2. Pengurusan ekonomi yang rigit dan tidak berfungsi cekap digantikan dengan satu ekonomi yang berorientasikan pasaran, di mana syarikat-syarikat persendirian (swasta) diberi galakkan dalam pembangunan ekonomi. Mewujudkan satu ekonomi pasaran yang mengutamakan mekanisma harga di dalam sektor syarikat milik negara. Harga-harga tersebut boleh digunakan untuk perancangan pelaburan dan polisi makro ekonomi. Justeru itu dasar dan pengurusan ekonomi yang jitu dan mantap digubal bagi menggantikan dasar yang sebelum ini bersifat mengongkong yang lebih mengutamakan kepentingan milik negara.
3. Perhubungan ekonomi antarabangsa yang dahulu amat bergantung kepada Soviet Union, kini telah dikembangkan di bawah polisi buka pintu. Tujuan polisi buka pintu ialah mengganda dan mempelbagaikan sumber-sumber pengumpulan kapital bagi pembangunan ekonomi dengan menghulurkan perhubungan ke negara-negara barat dan negara-negara sedang membangun yang lain tanpa mengira fahaman politik dan sistem sosial yang didukung oleh sesebuah negara itu.

Kegagalan untuk memenuhi keperluan dan kehendak masyarakat tempatan dan ketidakseimbangan makro-ekonomi domestik mendesak kajian semula dilakukan ke atas peranan Vietnam. Walaupun kajian semula ini telah bermula pada tahun 1984, Parti Kongres yang keenam menandakan satu perubahan besar dalam orantasi ekonomi Vietnam. Pemimpin-pemimpin telah berkali-kali menuntut dengan keinginan untuk “*take part in the international division of labour and promote economic*

relations with foreign countries on the basis of equality and mutual benefits.”³⁰

Walau bagaimanapun, kecenderungan kebebasan dan global hanya lebih jelas apabila kerajaan meluluskan dalam Disember 1987 satu Undang-undang pelaburan asing yang amat liberal untuk menarik modal antarabangsa. Liberalisasi perdagangan dan “*friend with everyone*” merupakan tanda bagi Doi Moi.

Pada tahun-tahun 1988-92, Vietnam telah memaparkan pelbagai polisi, undang-undang dan kaedah bertujuan menggalakkan pengeluaran ekonomi dan penarikan pelaburan asing. Antaranya ialah memperkenalkan satu kadar pertukaran yang neutral dan efektif antara import dan eksport. Devaluasi benar Dong pada tahun 1989 telah menjadikan kadar rasmi Dong sahaja dengan kadar pasar. Kadar pertukaran ini telah membawa hasil di mana eksport menjadi lebih kompetitif sehingga bila Dong mula naik pada tahun 1992. Kerajaan Vietnam juga merasional, mengagih dan meliberalkan perdagangan dan rejim tarif dan sistem kewangan. Kerajaan juga memperkenalkan promosi eksport dan skim insentif (cukai keutamaan dan langkah-langkah kewangan ke atas pengeluaran eksport), insentif bagi pelabur-pelabur milikan asing yang berorantasi eksport dan biayaan eksport promosi.

Pembangunan EPZ dimulakan untuk membangun infrastruktur, birokratik dan masalah-masalah lain yang dihadapi oleh pelabur-pelabur asing di Vietnam. Kerajaan Vietnam juga membenarkan bank-bank Asia dan Eropah yang utama membuka cawangan-cawangan komersial di Ho Chi Minh dan Hanoi. Ia juga mengambil langkah-langkah untuk menstabil dan melaksanakan program reformasi bagi meningkatkan perikliman makro. Pada prinsipnya,

semua sektor ekonomi terbuka kepada pelaburan asing, walaupun terdapat insentif-insentif yang istimewa kepada pelaburan yang mempromosikan eksport dan menjana matawang asing.

Reformasi ini telah menunjukkan hasil, liberasi dan pengagihan perdagangan dan polisi-polisi kewangan telah berkesan dalam meningkatkan gantian import. Nisbah import/eksport Vietnam telah berkurang dari 4:1 kepada 1:1 pada tahun 1991.³¹ Eksport telah naik dengan purata 20% setahun dari 1990-1994. Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.5, pada tahun 1995, pendapatan eksport mencapai US\$5.3 bilion, lebih lima kali ganda daripada pendapatan eksport pada tahun 1988 dan 38% lebih pada tahun 1994. Defisit perdagangan pada tahun-tahun 1988-93 menunjukkan penurunan, tetapi naik semula pada tahun 1994 disebabkan pengimportan barang modal oleh pelabur-pelabur asing.³²

Dari segi makro ekonomi, Vietnam telah berjaya untuk mengekalkan kadar pertumbuhan yang positif. Semenjak tahun 1993, terdapat haluan yang meningkat dalam pelaburan yang boleh dilihat dari KNK. Selain itu, kerajaan juga melaksanakan satu polisi kewangan yang ketat bagi menyelesaikan masalah inflasi. Kerajaan telah mengeluarkan bon-bon dan bil perpendaharaan untuk membiayai perbelanjaan yang berlebihan berbanding dengan mengeluarkan matawang seperti masa-masa terdahulu.

Bank Pusat juga memperkenalkan kadar bunga yang tinggi untuk menggalakkan tabungan domestik dan pertukaran wang asing didevaluasikan supaya kadarnya lebih dekat dengan nilai pasaran, dan

Jadual 2.5: Perakaunan Perdagangan Vietnam (Unit: US\$ juta)

Tahun	Eksport	Import	Imbangan perdagangan
1976	215	862	(647)
1979	383	1653	(1270)
1984	571	1803	(1232)
1988	1073	2757	(1684)
1992	2475	2506	(31)
1993	3000	3344	(344)
1994**	3800	5000	(1200)
1995**	5300	7500	(2200)

Sumber: Joseph P.Quilan, **Vietnam: Business Opportunities and Risks**, Heinemann Asia, Singapore, 1995, hlm. 93.
 ** Data-data diperolehi dari Saigon Times, April 5-11, 1997.

mempromosikan eksport. Sebagai renovasi fiskal, kerajaan telah memperluaskan asas cukai dan menggunakan kadar cukai yang seragam di semua sektor ekonomi. Pengecualian diberikan kepada syarikat-syarikat pelaburan asing, di mana akan menikmati insentif-insentif cukai yang lebih baik. Renovasi kewangan dan fiskal, seiring dengan usaha-usaha kerajaan untuk menurunkan perbelanjaan, telah membantu Vietnam menurunkan inflasi yang terlampau tinggi. Inflasi telah kekal di bawah 20% sejak tahun 1992 dan turun kepada 12.7% pada tahun 1995.³³

Satu elemen yang penting dalam meneruskan proses renovasi dan menjamin pencapaian yang cemerlang ialah galakkan untuk meninggikan peranan swasta oleh kerajaan. Kerajaan berusaha menarik pelaburan asing dan di masa yang sama menggalakkan pelaburan domestik. Vietnam telah menggubal undang-undang pelaburan asing untuk menawar insentif-insentif cukai, menubuhkan EPZ dan IZ, dan membenarkan bank-bank asing dan institusi-institusi kewangan beroperasi di Vietnam. Negara Vietnam juga mula mencipta rangka-rangka legal yang perlu bagi memenuhi permintaan satu ekonomi pasaran yang multi-sektor. Sejak 1990, Vietnam telah juga menggubal beberapa undang-undang awam termasuk undang-undang Syarikat, undang-undang mengenai perdagangan swasta, undang-undang muflis dan lain-lain lagi. Kerajaan juga meluluskan penswastaan enterprise milik negara.

Kesemua langkah di atas telah menggalakkan pelaburan dan meningkatkan kadar pertumbuhan. Pertumbuhan KNK ialah di purata 8.2% antara 1991-94 dan melebihi 9.5% pada tahun 1995. Bahagian KNK dalam

sektor ekonomi juga mengalami perubahan. Pertanian telah menurun kepada 27.55% pada tahun 1995 dari 38.74% pada 1990. Manakala sektor industri telah meningkat kepada 30.10% pada tahun 1995, berbanding 22.67% pada tahun 1990. Sektor perkhidmatan juga naik kepada 42.40% pada tahun 1995 berbanding 38.59% pada tahun 1990.³⁴

Bahagian KNK dalam sektor bukan kerajaan juga memperlihatkan kemajuan, di mana merangkumi 97.4% dalam output pertanian, 30.7% dalam output industri dan 53.8% dalam sektor perkhidmatan dalam tahun 1994. Angka-angka itu amat manarik perhatian memandangkan sebelum renovasi itu, sektor bukan kerajaan hampir tidak wujud.³⁵

Sebelum Parti Kongres Keenam pada tahun 1986, polisi-polisi perdagangan dan pelaburan Vietnam hanya menumpukan kepada "*international cooperation rather than economy interdependence*"³⁶ iaitu berorientasi ekonomi politik, transformasi sosialis dan mementingkan industri berat. Polisi-polisi sebelum renovasi Doi Moi mencerminkan satu strategi pembangunan yang berorientasi dalaman. Perdagangan dilihat sebagai satu mekanisma untuk mengimport barang yang perlu sahaja dan mengeksport barang yang tidak diguna di peringkat domestik.³⁷ Polisi-polisi ini mengabaikan kelebihan negara itu sendiri, pembahagian buruh antrabangsa, spesifikasi dan lain-lain lagi. Ia tidak mempromosi perubahan teknikal dan struktur di dalam ekonomi Vietnam.

Secara ringkasnya, dengan mempercepatkan "*socialist transformation*" dan industri berat dalam jangka masa panjang dan

menstabilkan keadaan sosio-ekonomi dalam dalam jangka masa pendek merupakan syarat penting untuk memastikan Vietnam terus membangun. Polisi luar Soviet Union telah membenarkan Vietnam menjalankan defisit perdagangan yang besar dan pengumpulan hutang berjangka masa panjang sehingga Soviet Union jatuh.

Sejak 1987, kerajaan telah memperkenal dan meimplementasikan beberapa initiatif reformasi. Polisi-polisi yang terpenting termasuk penghapusan kesemua subsidi-subsidi kepada enterprise milik negara, lebih kuasa autonomi kepada pengurus-pengurus enterprise, kawalan bebas ke atas harga, liberalisasi perdagangan dan pelaburan, reformasi dalam sektor kewangan, penubuhan EPZ dan pembebasan kolektif sektor pertanian.

Polisi-polisi perdagangan luar dan pelaburan asing yang sesuai merupakan komponen penting dalam renovasi Doi Moi seperti berikut:

1. Merupakan peranan positif dalam proses perindustrian, pertumbuhan ekonomi dan perubahan struktur dari satu negara yang dahulunya ekonomi dikawal pusat dan pendapatan rendah; dengan meningkat output per modal dan produktiviti dan memindahimbangan antara pelbagai sektor.
2. Membuka ekonomi dan masyarakat Vietnam kepada perdagangan dan kewangan serantau dan antarabangsa. Polisi keutamaan telah meyudahkan isolasi Vietnam yang bertahun-tahun, mendedahkan institusi-institusi, teknologi-teknologi dan sosio-ekonomi luaran yang kepelbagai.
3. Kesulitan untuk mengekalkan renovasi ekonomi tanpa sokongan dan polisi-polisi, institusi-institusi yang sesuai dan strategi pembangunan yang

bagus. Ini termasuk polisi-polisi perdagangan dan pelaburan dalam mengurangkan putar belit dalam ekonomi, lalu menubuhkan satu keadaan yang baik untuk membangun sebuah ekonomi yang teguh untuk mobilisasi sumber-sumber secara efektif bagi pertumbuhan dan perubahan.

Sejak renovasi Doi Moi pada tahun 1986, pelaburan asing di Vietnam semakin meningkat. Bagaimanapun setelah genap sepuluh tahun program renovasi ini, iaitu pada tahun 1996, Vietnam telah mengalami kejatuhan dalam pelaburan asing. Pada sembilan bulan yang pertama, lesen-lesan yang diluluskan ialah US\$3.57 bilion, 35% penurunan dari US\$5.43 bilion pada jangka masa yang sama pada tahun 1995.³⁸ Keadaan ini diburukkan lagi dengan penarikan keluar dan pembatalan beberapa projek besar seperti BBI yang membatalkan pelaburan tempat peranginan di Danang yang berjumlah US\$243 juta, Occidental Chemical yang telah menghentikan pelaburannya US\$109 juta dalam pembinaan loji resin, Chrysler yang menundakan US\$192 pelaburannya dalam pemasangan automobil dan lain-lain lagi.³⁹

Kejatuhan dan penarikan keluar pelaburan asing ini tidak berlaku tanpa sebab. Antaranya ialah ketidaktentuan sistem perundangan dan kehakiman, *red-tape*, rasuah dan sebagainya. Bahagian ini akan dijelaskan dalam Bab 5 kemudian.

Sudah lebih dua puluh tahun negara Vietnam bersatu, kerajaan Vietnam dengan tindakan reformsi ekonomi yang sedikit, kordinasi yang tidak baik dan implementasi berdasarkan “ad-hoc” pada sepuluh tahun yang

pertama telah tidak menunjukkan kejayaan. Langkah-langkah reformasi Vietnam, walaupun masih mempunyai kekurangan, telah mendapat beberapa faedah yang kuat dan jelas. Pertumbuhan ekonomi telah diperlanjutkan, inflasi telah menurun dan perdagangan menampakkan kemajuan yang besar. Kejayaan reformasi amat bergantung kepada kapitalis di Vietnam. Tetapi Komunis masih merupakan norma di Vietnam. Keghairahan kerajaan dalam reformasi ekonomi tidak pernah dilanjutkan kepada sektor politik.

Vietnam penuh dengan semangat untuk mengikut kejayaan model Singapura, Taiwan dan negara-negara Asia yang lain di mana perindustrian yang pesat dicapai melalui dokongan satu parti pemerintah yang kuat.

2.4 Kepentingan Pelaburan Asing Dalam Pembangunan Perindustrian

Perindustrian menjadi tugas yang lebih sulit pada tahun-tahun 1980 dan 1990 bagi negara-negara sedang membangun. Polisi gantian import telah terbukti tidak berfungsi dengan baik dalam tahun 1960an. Rasional bagi polisi perlindungan dengan harapan industri yang dilindungi akan menjadi kompetitif pada masa depan, hasilnya selalu tidak effektif. Apabila pakar ekonomi menyedari hakikat ini, mereka telah mengesyorkan industri berorientasi eksport sebagai satu strategi industri yang lebih baik. Tetapi ia lebih sukar dilaksanakan daripada gantian import. Ini kerana orientasi eksport harus bertanding di pasaran antarabangsa, negara Barat yang lebih kukuh,

firma-firma Jepun dan ASEAN yang lebih berteknologi tinggi, teknik pemasaran yang lebih baik, pengurusan yang lebih berkesan serta lebih senang mendapat modal. Jawapan bagi menyelesaikan segala kekurangan ialah dengan menarik pelaburan asing. Kerajaan Vietnam telah menganggap pelaburan asing sebagai pendorong dan sebagai peralatan untuk menyokong dan mengorantasi semula struktur perindustrian.

Pelaburan asing dan perdagangan mempunyai hubungan yang rapat dengan proses pertumbuhan ekonomi dan perubahan struktur. Pelaburan asing dikenali sebagai saluran bagi aliran barang, perkhidmatan dan modal antarabangsa. Ia juga meningkatkan output, produktiviti dan pemindahan teknologi dan pengumpulan modal; dan memperimbangkan pelbagai sektor ekonomi. Pelaburan asing juga berperanan sebagai satu pakej pemindahan sumber-sumber; termasuk teknologi, modal dan kemahiran pengurusan dan pengetahuan mengenai pasaran dunia. Pembukaan Vietnam bermakna ia akan berhadapan dengan institusi luaran yang baru, sains dan teknologi yang terbaru dan pengetahuan terkini. Satu komponen yang penting ialah proses penyusunan semula dalam enterprise.

Akibat dari berakhirnya bantuan dari CMEA (*Council for Mutual Economic Assistance*) , situasi Vietnam telah berubah. Vietnam dikehendaki membayar balik hutang luarnya, yang sangat besar jika dibandingkan dengan KNK, berjumlah kira-kira 10 bilion TR(*transferable Rubles*) dan US\$4.0 bilion. Dengan hanya membayar kadar bunga, hutang tersebut akan meminta kira-kira US\$200-300 juta setahun. Tambahan pula,

defisit fiskal telah naik semula, dijangka akan berada 8-11% dari KNK pada 1993 berbanding bila kerajaan Vietnam berjaya mengurangkannya daripada 8% dari KNK pada 1988-1990 ke 2.5% pada 1991 dan 3.8% pada 1992.⁴⁰

Sebelum meninjau secara mendalam kepentingan pelaburan asing dalam pembangunan perindustrian pada masa kini, lebih penting mengkaji sedikit akan sejarah Vietnam dalam aspek itu. Harus difahami sebelum Vietnam secara rasmi membuka pintunya pada tahun 1986, Vietnam amat kurang dengan pelaburan asing. Pembangunan perindustrian mereka dibangunkan dengan bantuan kewangan asing dan pembiayaan oleh Soviet Union dan negara-negara CMEA yang lain. Yang menarik perhatian ialah, Vietnam membangunkan perindustriannya seolah-olah bergantung sepenuhnya kepada sumber-sumber luar. Ini bukan sahaja berlaku pada tahun-tahun 70an, 80an, malah fenomena ini masih berterusan hingga ke tahun-tahun 90an. Apa yang berbeza ialah ragam sumber-sumber luar itu bertukar dari bantuan kewangan asing kepada pelaburan asing.

2.4.1 Bantuan Kewangan Dan Pelaburan Asing Dalam Pembangunan Perindustrian Di Vietnam Pada Tahun-tahun 1955- 1975

Perindustrian di Vietnam tidak mungkin berhasil tanpa satu jumlah bantuan kewangan asing yang agak besar dari negara-negara sosialis, terutama dari Soviet Union dan Republik China.

Malangnya, tidak terdapat angka-angka yang kukuh mengenai bantuan kewangan asing itu. Ini kerana di Vietnam, bantuan kewangan asing

itu dianggap sebagai rahsia kerajaan, hanya didedahkan dari semasa ke semasa, dan selalu angka-angka ini tidak selaras antara satu sama lain. Bagaimanapun, Jadual 2.6 di bawah menunjukkan bahagian bantuan ekonomi asing dalam jumlah belanjawan perhasilan terletak di antara 21.5% dan 26.5% pada tahun-tahun 1960-64, lalu meningkat ke 42.3% dan 68.9% pada masa peperangan 1965-72. Angka-angka di bawah didapati dari satu “*top secret*” statistik dokumen.⁴¹ Jadi, walaupun Parti Vietnam selalu mengagung-agungkan cara Maoist “*self reliance*”, terutama pada tahun 1960an dan permulaan 1970, angka-angka di atas jelas menunjukkan satu pergantungan berat dari Vietnam Utara ke atas bantuan ekonomi asing.

Pada rancangan lima tahun yang pertama (1961-65), USSR telah membantu Vietnam Utara dengan satu perakuan (grant) berjumlah 20 juta ruble dan satu pinjaman lagi dengan jumlah 430 juta ruble. Dalam satu perjanjian bantuan yang ditandatangani di Hanoi, USSR berjanji akan menolong hampir 100 projek dari segi kewangan. Ini termasuk loji kuasa elektrik, lombong, loji mekanik kejuruteraan dan satu alat pemancar radio dari radio Hanoi, satu loji bengkel automobil dan pelbagai projek dalam 37 ladang kerajaan. Selain ini, USSR juga membekal pinjaman-pinjaman lain. Sebagai tanda kemurahan hati yang akhir, Soviet Union telah membatalkan semua hutang yang ada oleh Vietnam Utara sebelum dan semasa peperangan.⁴²

Pada tahun-tahun 1955-60, Republik China membantu Vietnam Utara dengan 900 juta yuan dalam bentuk perakuan dan 300 juta yuan dalam pinjaman. Dari 1954-78, Republik China juga membiayai 450 projek di mana

**2.6: Bahagian Bantuan Ekonomi Asing Dalam Jumlah
Belajanwan Perhasilan Antara Tahun-tahun 1960-75 (Unit:
Peratusan (%))**

Tahun	Perhasilan dalaman	Bantuan asing (Perakuan dan pinjaman)
1960	77.6	22.4
1961	76.9	23.1
1962	74.1	25.9
1963	73.5	26.5
1964	78.5	21.5
1965	57.7	42.3
1966	39.0	61.0
1967	33.4	66.6
1968	31.1	68.9
1969	31.5	68.5
1970	32.4	67.6
1971	36.0	64.0
1972	39.7	60.3
1973	40.1	59.9
1974	39.4	60.6
1975	45.1	54.9

Sumber: Vo Nhan Tri, hlm. 40.

339 telah lengkap pada Mac 1978. Ini termasuk kilang-kilang padi kupas, kilang penapis gula, kilang pengisar kertas, kilang mancis, kilang mentol dan termos, kilang porselin, loji kimia, limbungan kapal, besi dan keluli kompleks. Republik China juga melibatkan diri dalam pembinaan semula jambatan dan jalan keretapi dan membekalkan peralatan lombong, rangkaian radio dan ladang kerajaan. Sebelum 1976, bantuan ekonomi China ke Vietnam Utara berjumlah US\$330 juta setahun.⁴³

2.4.2 Bantuan Kewangan Pelaburan Asing Pada Tahun 1975-80

Secara umumnya, Vietnam menampakkan bantuan kewangan asing yang dibekalkan oleh USSR dan negara-negara sosialis Eropah Timur itu sebagai tali sokongan yang penting dalam rancangan-rancangan pembangunannya. Ia juga ingin mendapat pertolongan bilateral dari negara-negara industri barat dan bantuan multilateral dari agensi-agensi antarabangsa seperti World Bank, International Monetary Fund dan Asian Development Bank. Walau bagaimanapun, Vietnam hanya mampu mencapai cita-citanya secara terhad sahaja.

China telah memberhentikan bantuan ekonomi ke Vietnam pada Julai 1978. Selepas penghentian bantuan dari China dan keengganan Amerika Syarikat untuk membantu rancangan pemulihan, perhubungan dengan negara-negara CMEA terutamanya USSR telah bertambah dengan pesatnya. Koperasi ekonomi antara Soviet Union dan Vietnam mengambil tiga

prinsipal, iaitu koperasi dari segi ekonomi dan teknikal, koperasi dari segi saintifik-teknologi dan perjalinan hubungan perdagangan.

Semasa rancangan lima tahun yang kedua, Soviet Union telah membekalkan Vietnam bantuan ekonomi dan teknikal dalam 94 projek ekonomi yang penting. Pada tahun 1979, enterprise yang ditubuhkan dengan bantuan Soviet Union berjumlah 25% dari penjanaan elektrik dalam negara, 89% dari rentapan arang batu, 100% dari output timah, asid sulfurik dan 61% dari mesin-mesin pemotong logam. Semasa rancangan lima tahun yang kedua, Soviet Union telah memberi 500 juta rubles (US\$757.7 juta) dalam bantuan ekonomi setiap tahun.⁴⁴

Selain USSR, Vietnam juga menerima bantuan ekonomi dari negara-negara CMEA yang lain. Negara-negara industri barat juga memberi bantuan seperti Perancis (US\$366 juta), Sweden (US\$100 juta), Denmark, Norway, Finland, Japan, Australia dan Kanada juga memberi bantuan ekonomi ke Vietnam. Bagaimanapun, oleh kerana Vietnam melibatkan diri dalam militari dengan Cambodia, kebanyakan negara-negara barat telah memberhentikan program bantuan mereka pada pertengahan 1979.⁴⁵

World Bank telah meluluskan satu pinjaman yang berjumlah US\$60 juta ke Vietnam, tetapi selepas US\$44.6 juta dikeluarkan, pinjaman ini dihentikan oleh kerana bantahan dari Amerika Syarikat.

Dalam Jadual 2.7 menunjukkan peratusan bantuan asing telah menurun sejak tahun 1976 (44.8%) jika dibandingkan dengan 1975 (54.9%). Penurunan ini terus berlaku disebabkan berhentinya bantuan China dan

Jadual 2.7: Bahagian Bantuan Ekonomi Asing Dalam Jumlah Belajanwan Perhasilan Antara Tahun-tahun 1976-80 (Unit: Peratusan (%))

Tahun	Perhasilan dalaman	Bantuan asing (Perakuan dan pinjaman)
1976	55.2	44.8
1977	65.5	34.5
1978	68.0	32.0
1979	59.2	40.8
1980	59.4	40.6

Sumber: Vo Nhan Tri, hlm.101.

negara-negara barat pada masa Vietnam terlibat dalam perang dengan Cambodia.

Secara keseluruhannya, penglibatan militari dalam Cambodia telah menyebabkan Vietnam hilang US\$78.5 juta dalam bantuan bilateral dan US\$99 juta bantuan multilateral yang telah dijamin terdahulu.⁴⁶

Meskipun kehilangan dalam bantuan barat, bahagian bantuan ekonomi dari segi perakuan dan pinjaman dalam jumlah belanjawan perhasilan masih nyata sekali.

2.4.3 Bantuan Kewangan Dan Pelaburan Asing Pada Tahun 1981-85

Kemajuan dalam pertanian dan perindustrian di Vietnam dapat dicapai kerana adanya bantuan ekonomi dari negara-negara CMEA, terutamanya USSR. CMEA membekalkan pinjaman pembangunan jangka masa panjang dengan kadar bunga yang rendah; bantuan saintifik dan teknologi, terutamanya dalam bentuk perakuan, meneliti rancangan pembangunan sosio-ekonomi jangka masa panjang, dan merangka keseluruhan skim untuk pembangunan semula “*productive forces*”; dan bantuan dalam tinjauan geologi yang ekstensif untuk mengeksplorasi deposit-deposit bijih baru.⁴⁷

Rancangan ekonomi nasional telah mendesak Vietnam untuk menjalin semua kemungkinan dari segi pelaburan dan teknologi dari negara-negara CMEA yang lain untuk menjamin pembangunan rancangan ekonominya.

Usaha asas CMEA bertujuan memecut proses “*socialist industrialization*”, terutamanya dalam pembangunan industri berat. Negara-negara CMEA telah membantu Vietnam untuk membina beberapa buah loji penjana kuasa, talian kuasa dan pusat transforma, membangun eksplotasi minyak dan gas, kejuruteraan mekanik dan industri elektronik. Bagi industri ringan, negara-negara CMEA telah membantu Vietnam dalam membangun industri tekstil.

Semasa rancangan lima tahun ketiga, Soviet Union membantu Vietnam untuk mereka, membina dan meningkatkan kira-kira 150 projek pembinaan. Hampir 40 projek telah mula beroperasi. USSR juga membantu Vietnam dalam perkembangan lombongan arang batu, dan membina beberapa kilang bahan-bahan mental yang lain. Pada tahun 1985, lebih 200 projek yang dibantu oleh Soviet dalam jumlah pengeluaran industri iaitu 35% dalam penjanaan kuasa elektrik, 95.2% dalam perlombongan arang batu, 50.5% dalam simen dan 100% dalam *apatite*, *superphosphate*, *asid sulphurik* dan mesin pemotong logam.⁴⁸

USSR menawarkan Vietnam kepada hampir semua keperluan sehari dari pelbagai bahan-bahan mentah, bahan api dan peralatan yang penting. Ini dapat membantu Vietnam untuk mempertingkatkan kapasiti pengeluarannya dalam sektor ekonomi seperti bahan api, tenaga, kejuruteraan, kimia, industri bahan-bahan bina, komunikasi dan pengangkutan.

Biarpun sekatan ekonomi dikenakan oleh negara-negara barat, Vietnam tidak runtuh. Ini disebabkan oleh kemurahan hati dan bantuan jati yang diterima dari Soviet Union.

Walaupun Vietnam menyedari ia amat bergantung kepada bantuan Soviet tetapi ia telah mensia-siakan bantuan kewangan tersebut. Sikap Vietnam yang “*unilateral*”, tidak menjaminkan faedah dua hala, dan menggunakan bantuan ini secara membazir dan tidak berkesan telah membawa satu kesedaran menyeluruh pada akhir rancangan lima tahun ketiga. Kenyataan Trung Chinh pada tahun 1986 telah menunjukkan kesedaran tersebut dengan jelas. Trung berkata,

*“... we have not turned this aid to good accounts. Instead, we have spent each year a few hundred million rubles on social consumption, (State) subsidies and loss compensation (for unfortiable state-owned enterprise). Several other hundred millions of rubles have been scattered on so many construction projects. This had been our great mistake”.*⁴⁹

Pada peringkat 1978-79, campur tangan militari di Cambodia telah mengakibatkan tiada bantuan bilateral dari barat yang penting telah diterima oleh Vietnam sejak 1979, kecuali bantuan dari Sweden (US\$45-50 juta setahun). Vietnam juga tidak menerima mana-mana bantuan multilateral kewangan dari World Bank, IMF dan ADB.

Meskipun kekurangan bantuan dari barat, bahagian perhasilan luaran yang terhasil dari bantuan asing dalam jumlah belanjawan perhasilan masih bertahan, iaitu 30.7% pada tahun 1982.⁵⁰

2.4.4 Bantuan Kewangan Dan Pelaburan Asing Pada Peringkat 1986-90

Perhubungan dan kerjasama dengan negara-negara CMEA terus berkembang. Pada Oktober 1987, CMEA telah melaksanakan satu program multilateral antara ahli-ahli Eropah Timur di satu pihak dan Vietnam, Cuba dan Mongolia pada pihak yang lain pada tahun-tahun 1991-2005 bertujuan mempertingkatkan pembangunan ekonomi.⁵¹ Keputusan itu dilaksanakan dengan cara baru, antaranya pertama, bantuan yang berskala besar tidak akan diberikan kecuali negara penerima itu dapat menggunakan dengan berkesan. Kedua, bantuan harus dikaji dengan teliti ke atas potensi ekonomi, dan peringkat pembangunan negara penerima tersebut. Ketiga, penghentian serta-merta perlu ditegaskan ke atas mana-mana projek dan rancangan yang tidak effesien dan ketidakadaan kordinasi supaya dapat meninggikan koperasi rancangan yang jangka masa panjang.

Antara bidang yang diusahakan oleh Vietnam dengan bantuan negara-negara CMEA ialah bidang tenaga, loji penjana kuasa dan lain-lain. Negara Soviet Union masih merupakan penderma bantuan yang terbesar di Vietnam. Dijangkakan bantuan ekonomi Soviet Union ke Vietnam pada Rancangan Lima Tahun Keempat ialah 8-9 bilion rubles, merupakan dua kali ganda daripada apa yang dibekalkan pada rancangan lima tahun yang lalu dan sama dengan jumlah bantuan ekonomi ke Vietnam semasa 30 tahun yang lepas.⁵²

Mesyuarat antara Nguyen Van Linh dan M. Gorbachev di Moscow pada Mei 1987 menandakan satu perubahan dalam hubungan

ekonomi antara Vietnam dan USSR. Sebagai akibat dari implementasi mesyuarat itu ialah Vietnam perlu bertindak lebih giat dalam usahanya dalam koperasi ekonomi dengan USSR untuk menjamin faedah dua hala.

Tidak dapat dinafikan dengan bantuan ekonomi Soviet, Vietnam telah menerima faedah dari pelbagai sektor ekonomi. Walau bagaimanapun, terdapat kesamaran akan keberkesanan bantuan ekonomi tersebut. Terdapat perasaan ketidakpuasan hati antara dua pihak. Di pihak Soviet, mereka menuduh Vietnam telah membazir bantuan tersebut. Seorang pakar ekonomi telah berkata,

“before we did not cooperation – we just advanced money... many of our long-term construction projects are just standing there.... In Vietnam.... some comrades still want a state monopoly of production and to develop through rapid industrialisation ... But we were mistaken in the past to believe that they were ready for this.”⁵³

Sebaliknya Hanoi mengadu, “ *they[Vietnam] are frequently overcharges for often outmoded Soviet technology, while receiving below-market prices for their exports of fruit and vegetables, seafood and industrial crops.*”⁵⁴ Walau bagaimanapun, ketidakcekapan Vietnam menggunakan bantuan kewangan asing itu terbukti dengan satu kes dari Sweden, projek Ba Bang yang juga mengalami kegagalan disebabkan masalah pada peringkat mikro, secara langsung telah mempengaruhi pencapaian dalam peringkat makro dan akhirnya, projek ini telah dibazirkan.⁵⁵

Berbanding dengan masa-masa terdahulu, pemimpin Vietnam lebih menyedari bahawa negaranya memerlukan satu perikliman antarabangsa

yang mesra jikalau ia hendak memperkembangkan hubungannya dengan dunia luar bagi tujuan pembangunan ekonomi.

Sejak Parti Kongres yang keenam, Vietnam dengan tegasnya telah memutuskan polisi membuka pintunya bagi membolehkan ia bergaul dengan duina moden, membangun ekonomi dua hala yang berfaedah, kebudayaan, koperasi saintifik dan teknologi dengan seluruh dunia, organisasi dan individu.

Menteri luar negeri Nguyen Co Thach berkata,

*"We must put an end to the policy of autarky and closing our door to the outside world. We must act fast to incorporate our economy into the world economy and occupy an optimum position in the international division of labor. Only by so doing shall we bring about fast economic progress... We have promulgated the law on foreign investment..."*⁵⁶

Undang-undang pelaburan yang baru ini jika dibandingkan dengan Undang-undang 1977, ia lebih liberal dan telah diluluskan oleh Dewan Negara pada 29 Disember 1987 dan diumumkan kepada orang ramai pada 9 Januari 1988.

Dalam pandangan Parti, Undang-undang pelaburan baru ini mempunyai tugas seperti berikut:-

*"to create further conditions for exploiting satisfactorily all potential [of the country, and] broaden commercial relations, and economic, scientific, technical co-operation with the outside world in order to serve the cause of socialist construction."*⁵⁷

Undang-undang baru ini dianggap yang paling liberal di negara-negara Asia Tenggara. Undang-undang ini bertujuan untuk menarik modal asing dan teknologi tinggi, kedua, mempelajari pengurusan ekonomi yang maju serta melatih kader ekonomi dan buruh mahir. Ketiga, mengeksplotasi bahan-bahan semula jadi dengan lebih berkesan. Keempat, untuk menambah peluang pekerjaan. Kelima, mempromosi eksport dan perkhidmatan berkaitan untuk meninggikan pendapatan matawang asing. Keenam, untuk meningkat pengumpulan modal bagi perindustrian sosialis.

Untuk mencapai objektif-objektif di atas, Vietnam mesti menyediakan syarat-syarat yang lebih berfaedah dan memastikan keselamatan modal; menjamin syarikat asing tidak akan dimiliki negara, membenarkan mereka menghantar modal dan keuntungan ke negara-negara ketiga yang lain.

2.5 Kesimpulan

Negara Vietnam pernah mengamalkan dua reformasi atau renovasi ekonomi sejak ia mencapai penyatuan pada tahun 1975. Reformasi atau renovasi ekonomi itu diamalkan pada tahun 1979 dan tahun 1986. Hasrat reformasi ekonomi pertama dibentangkan dalam Parti Kongres Keempat apabila ekonomi Vietnam terjejas dengan teruknya. Pemimpin-pemimpin Vietnam telah mengambil langkah yang berani untuk mengadakan lebih kebebasan dalam sektor ekonominya. Objektif-objektif reformasi itu dilaksanakan melalui Rancangan Lima Tahun Ketiga. Angka-angka statistik yang positif telah membuktikan keputusan untuk mengadakan ekonomi

pasaran adalah betul, walau bagaimanapun, pelancaran reformasi itu tersekat pada tahun-tahun berikutnya kerana bantahan dari ahli-ahli konservatif. Meskipun begitu, prestasi ekonomi yang cemerlang dalam tahun-tahun 1982-83 telah memberi galakan dan inspirasi kepada pemimpin-pemimpin Vietnam bahawa pengamalan ekonomi pasaran dan polisi buka pintu yang merupakan ubat tunggal yang paling mujarab dalam usaha menyelamat ekonomi Vietnam dari terus terjejas. Pada Kongres yang keenam pada tahun 1986, Vietnam telah meluahkan hasrat yang lebih kuat untuk membaiki keadaan ekonominya. Polisi Doi Moi dibentangkan dan menerima sambutan yang baik dari masyarakat Vietnam dan dunia luar. Dalam Doi Moi itu, polisi-polisi yang lebih liberal diperkenalkan dan Undang-Undang Pelaburan Asing diadakan pada tahun 1987 berikutan dengan beberapa penggubalan dan pengenalan undang-undang dan peraturan-peraturan untuk pelaksanaan ekonomi pasaran. Keputusan-keputusan positif dalam ekonomi memberi keyakinan kepada kerajaan dan masyarakat Vietnam bahawa polisi Doi Moi itu tepat pada masanya dan perlu dilanjutkan pada masa akan datang.

Negara Vietnam yang telah mengalami peperangan yang berturut-turut amat bergantung kepada bantuan ekonomi asing samada dalam bentuk modal, teknologi atau pengurusan. Tanpa modal dan bantuan dari luar, Vietnam akan menghadapi halangan-halangan dalam visi pembangunan ekonominya. Ini kerana modal dalamannya adalah terlalu kecil, teknologi kuno dan pengurus yang kurang berpengalaman. Sebenarnya, sifat pergantungan ini terakar sejak masa dahulu. Yang berbezanya ialah

“pembantu-pembantu” itu telah berubah dari negara-negara Soviet Union, China dan negara-negara CMEA kepada golongan “kapitalis”; pelabur-pelabur asing dan penderma-penderma antarabangsa.

Negara Vietnam yang tidak mempunyai pengalaman dalam pengurusan modal dan pembangunan perindustrian telah membazirkan sumber-sumber yang diberikan selama ini. Dalam membangun satu negara, terbukti modal bukan penentu yang agung, sains dan teknologi, sikap, mentaliti dan etika juga penting. Pemimpin yang berkaliber dan bercita-cita tinggi dan bervisi juga diperlukan. Pengkaji mempunyai pandangan bahawa, Vietnam mengendali pelaburan asing seperti sikapnya mengendalikan bantuan ekonomi asing tanpa memikirkan garis dasar bagi pelabur-pelabur asing memasukkan wang ke negara itu adalah untuk mendapat keuntungan.

Pengalaman dari Soviet Union yang menjual teknologi kuno dan membeli bahan-bahan semulajadi dari Vietnam dengan harga yang lebih rendah mempengaruhi sikap mereka terhadap pelabur-pelabur asing. Aduan ini tidak dapat dibuktikan kerana tidak ada data-data yang dapat menyokongkannya. Walau bagaimanpun, apa yang boleh diketahui ialah Soviet Union dan negara-negara CMEA memang memberi bantuan dalam bentuk kewangan ke dalam Vietnam, hal ini tidak dapat dinafikan oleh Vietnam dengan begitu sahaja. Orang Vietnam menganggap pelabur-pelabur asing semuanya ingin mengeksplotasikan mereka, ia seakan-akan melupakan dengan pembukaan pintu dan pengamalan ekonomi pasaran, harga adalah ditentukan oleh pasaran, penawaran dan permintaan juga ditentukan oleh

pasaran. Pelabur-pelabur asing bukan penderma. Pelabur-pelabur mempunyai pilihan untuk tidak melabur di Vietnam sekiranya perikliman pelaburan tidak menjaminkan dan keuntungan tidak dimaksimumkan dalam pelaburan tersebut.

Undang-undang pelaburan asing yang baru dan liberal telah diluluskan pada tahun 1987 dan ia dianggap yang paling liberal di rantau Asia Tenggara. Dengan mengkaji undang-undang ini boleh merumuskan kerajaan Vietnam amat berazam untuk membaiki situasi ekonominya dengan menarik kemasukan pelaburan asing. Selari dengan pengenalan undang-undang pelaburan ini, pelbagai insentif juga diperkenalkan terutama dari segi pencukaian. Polisi-polisi buka pintu Vietnam telah menarik perhatian ramai pelabur asing terutama pada tahun-tahun 1991-1994. Fenomena kemasukan pelaburan asing dan insentif-insentif dan penentu-penentu persaingan dari segi penawaran akan dibincangkan pada bab berikutnya.

Nota Hujung

-
- ¹ Untuk keterangan lanjut, boleh rujuk kepada Tetsusaburo Kimura, *The Vietnamese Economy (1975-1986): Reforms and International Relations*, Institute of Developing Economies, Tokyo, 1989; Beresford, Melamie, *National Unification and Economic Development in Vietnam*, St.Martin's Press Inc., New York, 1989 dan Vo Nhan Tri, *Vietnam's Economic Policy Since 1975*, ISEAS, Singapura, 1990.
- ² Per Ronnas, *Economic Reform in Vietnam: Dismantling the Centrally Planned Economy*, Stockholm School of Economics: Department of International Economics & Geography, Sweden, 1991, 9-10.
- ³ Tetsusaburo Kimura, *The Vietnamese Economy (1975-1986): Reforms and International Relations*, Institute of Developing Economies, Tokyo, 1989, 59-60.
- ⁴ Carolyn L. Gates & David H.D. Truong , *Foreign Direct Investment & Economic Change in Vietnam*, Nordic Institute of Asian Studies, Denmark, 1995, 28.
- ⁵ Pelaburan domestik kasar di Taiwan ialah 23.2%, Malaysia 34.4% (1991), Singapura 40.4% (1992) dan Korea Selatan 35.6% (1992).
- ⁶ Ray Millon, *A Decade of Transition: Presentation on VCCI Conference*, Bandar Ho Chi Minh, 21 Ogos 1996.
- ⁷ Ibid.
- ⁸ Nguyen Anh Tuan, *Prospects for Vietnam's Industries: Lesson from East Asia*, INSAN, Petaling Jaya, 1996, 19.
- ⁹ Vo Nhan Tri, *Vietnam's Economic Policy Since 1975*, ISEAS, Singapura, 1990, 30.
- ¹⁰ Ibid.
- ¹¹ Ibid.,32. Terdapat perubahan dalam rangkaian dalam keutamaan pada tahun 1965 di mana tenaga, metallurgy, kimia dan kejuruteraan mekanik. Rangkaian ini berubah lagi pada tahun 1975, tenaga, kejuruteraan mekanik, metallurgy dan kimia.
- ¹² Ibid., 33.
- ¹³ Ibid., 33.
- ¹⁴ Joseph P. Quinlan, *Vietnam: Business Opportunities and Risks*, Heinemann Asia, Singapura, 1995, 41.
- ¹⁵ Vietnam: Industrial Policy Reform and International Co-operation, Industrial Development Review Series, United Nations Industrial Development Organization, Januari 1991, 23.
- ¹⁶ Carolyn.L Gates & David H.D. Truong, *Development Strategy & Trade & Investment Policies for Structural Change dalam Irene Norland & Carolyn L. Gates (ed)*, *Vietnam in a Changing World*, Nordic Institue of Asian Studies, Britain, 1995, 89.
- ¹⁷ Vo Nhan Tri, *Party Policies & Economic Performance: The Second & Third Five-year Plans Examined dalam David G. Marr & Christine P. White, (ed)*, *Postwar Vietnam: Dilemmas in Socialist Development*, Southeast Asia Program, New York, 1988, 80.
- ¹⁸ Vo Nhan Tri, op.cit., 73.
- ¹⁹ David G. Marr, Christine P. White, (ed), Op.cit., 78.
- ²⁰ Vietnam: Industrial Policy Reform and International Co-operation, Op.cit.,23.
- ²¹ Vo Nhan Tri, Op.cit., 91.
- ²² Ibid., 107.
- ²³ David G. Marr, Christine P.White, (ed), Op.cit., 82
- ²⁴ Vo Nhan Tri, Op.cit., 126.
- ²⁵ Vietnam: Industrial Policy Reform and International Co-operation, Op.cit., 23.
- ²⁶ Ibid., 24
- ²⁷ Tetsusabura KImura, *The Vietnamese Economy (1975-86) Reforms and International Relations*, Institute of Developing Economies, Tokyo, 1989, 30-31.
- ²⁸ Vietnam: Industrial Policy Reform and International Co-operation, Op.cit.,24.
- ²⁹ Manuel F. Montes, *Vietnam: Transition as A Socialist Project in East Asia*, Working Paper 136, Jun 1997,
- ³⁰ Irene Norland & Carolyn.L. Gates (ed), Op.cit.,90.

-
- ³¹ Ibid., 91.
- ³² Saigon Times, 5-11 April, 1997
- ³³ Nguyen Duy Khien, Doing Business in Vietnam, VCCI, Hanoi, 1996, 9.
- ³⁴ Saigon Times, 27 Disember 1997
- ³⁵ Nguyen Duy Khien, Op.cit., 10.
- ³⁶ Melaine Beresford, op.cit., 6.
- ³⁷ Adam Fforde & Stefan De Vylder, the Socialist Republic of Vietnam, Hanoi, Disember 1991, A-II-12.
- ³⁸ The Bangkok Post, 19 November 1996.
- ³⁹ Ibid.
- ⁴⁰ Carolyn L. Gates & David H.D. Truong, Op.cit.,27-28.
- ⁴¹ Vo Nhan Tri, Op.cit., 38-39.
- ⁴² Ibid., 42.
- ⁴³ Ibid.
- ⁴⁴ Ibid., 100-101.
- ⁴⁵ Ibid., 101.
- ⁴⁶ Ibid., 102.
- ⁴⁷ Ibid., 151.
- ⁴⁸ Ibid., 154-155.
- ⁴⁹ Ibid., 157.
- ⁵⁰ Ibid., 157.
- ⁵¹ Ibid., 210.
- ⁵² Ibid., 210-212.
- ⁵³ Ibid., 214.
- ⁵⁴ Ibid., 214.
- ⁵⁵ Tetsusabura Kimura, Op.cit., 103-117.
- ⁵⁶ Vo Nhan Tri, Op.cit., 215.
- ⁵⁷ Ibid., 215.